

Jangan paksa saya, ahli

BH 22/6/08

Timbalan Presiden SAPP akui ahli Majlis Tertinggi

RABU lalu, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, mengisytiharkan parti itu hilang kepercayaan terhadap Perdana Menteri bukannya Barisan Nasional (BN). Serentak itu, SAPP mahu membawa usul undi tidak percaya terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada persidangan Dewan Rakyat, esok. Bagaimanapun Timbalan Presiden SAPP yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah dan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Raymond Tan Shu Kiah berkata Majlis Tertinggi (MT) SAPP tidak mencapai keputusan itu sebulat suara, termasuk beliau yang tidak bersetuju dengan tindakan itu. Wartawan *Berita Minggu*, Veena Rusli mendapatkan pandangan Tan manakala Mohd Aziz Ngah mendapatkan pakar akademik dari Program Sains Politik, Fakulti Sains Politik dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ahmad Nidzammuddin Sulaiman mengenai keputusan SAPP itu.

Soal Jawab

? APA yang Datuk bangkitkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) SAPP semalam (kelmarin).

Saya tegaskan selama ini SAPP adalah satu daripada komponen BN dan kita kekal dengan keputusan itu. Kalau begitu, saya fikir tidak wajar kita buat tindakan yang tidak patut, yang tidak ikhlas seperti meneruskan usul menyokong undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri. Itu pandangan saya.

Saya tidak nampak kewajaran SAPP melakukan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip BN sedangkan kita membuat keputusan untuk kekal bersama BN.

Malah, selepas Presiden mengemukakan dua Ahli Parlimen SAPP

akan menyokong usul itu di Dewan Rakyat, pembangkang membuat kenyataan bahawa perkembangan itu dianggap pencapaian bagi parti pembangkang kerana dua lagi Ahli Parlimen dianggap mempunyai pendidikan sama dengan Pakatan Rakyat.

Saya tidak mahu apa yang dilakukan ini (menyokong usul tidak percaya) diteruskan jika ia memberi sokongan kepada pembangkang. Bagi saya, saya tak buat kesalahan dengan bersuara dan saya akan tabah menghadapi semua ini.

? Datuk prihatin mengenai istilah sebulat suara berhubung keputusan itu.

Sudah pasti kerana MT SAPP tidak mencapai persetujuan menyeluruh dalam meneruskan tindakan berkenaan. Oleh itu, adalah silap jika Presiden merujuk pengesahan dalam merestui tindakan dua Ahli Parlimen SAPP itu menyokong usul tidak percaya kepada Perdana Menteri sebagai konsensus atau sebulat suara.

“ Saya ingin menyampaikan rayuan supaya janganlah buat apa-apa kepada Presiden parti atau ahli SAPP kerana itu akan dilihat sebagai tindakan tidak bebas memberikan pandangan ”

Saya menghadiri mesyuarat itu dengan membawa rangka cadangan khusus supaya usul tidak percaya tidak diteruskan. Saya bangkitkan alasan kenapa kita tidak wajar meneruskan tindakan ini. Mana boleh kita katakan kita ingin kekal dalam BN tetapi pada masa sama kita tidak percaya lagi kepada pimpinan Perdana Menteri.

? Datuk dilihat berani tampil menentang Presiden sendiri.

Saya cuma menjelaskan kenyataan Presiden SAPP berhubung keputusan MT. Saya kecewa kerana dalam mesyuarat saya memberi pandangan berbeza dan setiap ahli tahu perkara yang akan diputuskan. Kami tidak mencapai keputusan sebulat suara. Ini cukup jelas kerana ada pandangan lain yang saya dan beberapa ahli berikan. Ia bukan konsensus.

Saya mohon supaya Yong sampaikan dan jelaskan perkara ini kerana itu yang berlaku dalam mesyuarat. Tidak patut kita katakan mencapai konsensus dan merujuk apa yang disampaikan ahli sebagai pandangan peribadi. Saya tidak dapat terima semua ini.

Pada mesyuarat itu, saya tegaskan saya tidak akan ke mana-mana dan tidak berhasrat melarikan diri daripada parti. Tidak sama sekali walaupun ada pihak yang mahu meneruskan membawa usul undi tidak percaya kepada Perdana Menteri dan hakikatnya BN akan mengambil tindakan terhadap SAPP. Saya boleh menerima apa juga keputusan bakal dibuat pimpinan BN.

? Perkembangan ini tidak mengugut kesetiaan Datuk terhadap SAPP.

Saya menyertai SAPP sejak ia ditubuhkan pada 1994, maka tentu saya terus setia walaupun dalam kea-



i parti buat keputusan'

MTS 12

ggi tidak sepakat meneruskan usul tidak percaya



BIODATA

DATUK RAYMOND TAN

Tarikh lahir: 22 Julai 1959

Status: Berkahwin dengan Datin Carol Yapp Yen En.

● **Pendidikan:**

- GCE O & A Level, Kettering Technical College, Northants, United Kingdom.
- BA (Hons) Law, Manchester Polytechnic, United Kingdom.
- Barrister-at-Law, Lincoln's Inn, London, United Kingdom.

● **Latar belakang kerjaya:**

- Peguam di Chin, Lau & Wong Advocate & Solicitor (1981-1994).
- Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Papat (1994-sekarang).
- Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri (April 1994-November 1995).
- Menteri Perkhidmatan Awam Sabah (November 1995-Mac 1999).
- Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna (Mac 1999-Mac 2004).
- Menteri Pembangunan Infrastruktur (Mac 2004 hingga sekarang).
- Timbalan Ketua Menteri (April 2004 hingga sekarang).

daan sekarang. Malah, saya akan kekal dalam SAPP sekalipun pucuk pimpinan mengambil keputusan memecat SAPP sebagai komponen.

Jujurnya, saya tidak mahu apa-apa berlaku kepada SAPP. Dalam keadaan sekarang, banyak spekulasi timbul, termasuk jika ada mana-mana parti komponen BN menghampiri saya dengan maksud menyertai mereka. Saya tidak mahu melayan apa juga permintaan sedemikian.

? Datuk masih boleh bekerjasama dengan Presiden walaupun berbeza pendapat.

Ya, saya akui memang pendapat kami berbeza dalam hal ini tetapi rasanya itu tidak wajar dijadikan alasan untuk saya menjauhi parti. Saya fikir, saya lebih diperlukan oleh parti dalam keadaan seperti sekarang.

Saya cuma mahu diberi kebebasan untuk menyuarakan apa juga pendapat dan pandangan. Rasanya saya boleh bekerjasama dengan Presiden saya, tiada masalah.

Seperkara ingin saya bangkitkan

“Kalau SAPP tidak mahu keluar BN, sepatutnya tidak wajar kita membuat usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri. Itu pendirian saya dan saya berpegang kepadanya”

ialah laporan menyebut Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan menyiasat Yong. Saya hairan kenapa sekarang baru ada kes begitu dan kalau itu hanya mahu memaksa Presiden kami menolak usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri, saya fikir itu tidak wajar. Walaupun saya bebas menyuarakan pandangan, saya tidak mahu Presiden kami atau ahli parti lain dipaksa membuat keputusan.

? Apa yang Datuk cuba katakan.

Saya ingin menyampaikan rayuan supaya janganlah buat apa-apa kepada Presiden parti atau ahli SAPP kerana itu akan dilihat sebagai tindakan untuk tidak bebas memberikan pandangan. Saya merayu dan saya tidak ada niat jahat. Saya menyampaikan pandangan demi kebaikan parti dan saya akan menerima apa juga keputusan BN. Saya minta tolonglah Pak Lah, jangan ada apa-apa... (sebak) tindakan... (sebak) yang akan menghalang atau dianggap menghalang individu yang ingin menyuarakan pandangan masing-masing.

Saya akui kalau SAPP sebagai anggota BN tidak mahu keluar daripada BN, sepatutnya tidak wajar kita membuat usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri. Itu pendirian saya dan saya berpegang kepadanya. Kalau pun itu salah, kalau parti saya dan Presiden fikirkan itu salah, saya akan menerima apa juga tindakan terhadap saya daripada parti sendiri.

SAPP mungkin boneka percaya

Prof Madya Dr Ahmad Nidzammuddin Sulaiman

? BOLEH jelaskan mengenai undi tak percaya dan bila ia boleh berlaku.

Dalam sistem demokrasi berparlimen, kerajaan yang dibentuk mendapatkan sokongan majoriti parlimen. Mana-mana pihak mendapat majoriti sokongan, ketuanya yang dipersetujui akan menjadi ketua kerajaan.

Secara tidak langsung, di Malaysia, bukan rakyat yang pilih Perdana Menteri (PM), rakyat hanya pilih wakil rakyat dan mereka (wakil rakyat) secara bersama pilih PM.

Apa yang berlaku sekarang ialah ada usaha membentuk atau mencahar sokongan penuh PM yang ada dengan mengatakan PM sekarang diragui memperoleh sokongan majoriti. Bagi menentukan dakwaan ini, mereka mengadakan usul undi tidak percaya yang cuba menunjukkan PM tidak mendapat cukup majoriti untuk memerintah.

Kita sekarang ada 222 kerusi Parlimen, bermakna perlu mendapat 112 kerusi jika mahu mendapat sokongan (majoriti) bukannya 111 kerusi.

Ini yang cuba disuarakan di Parlimen dan apabila tiba undian secara angkat tangan, keputusannya ialah lebih 112 ahli Parlimen sokong (menyokong usul tidak percaya), maka betullah PM tak dapat sokongan majoriti tetapi jika tidak, usul itu kalah dan beliau sekarang kekal jawatannya.

? Bolehkah keadaan ini berlaku.

Usul itu boleh dibuat. Jika berlaku sebaliknya, ia hanya disebabkan faktor teknikal, itu pun sekadar boleh melengahkan. Ini bermakna usul tetap boleh dibuat berdasarkan peraturan Dewan.

Sebenarnya, ada beberapa usul yang boleh dibawa ke Dewan iaitu usul biasa yang memerlukan dua minggu notis, diberikan tajuk, ringkasan bertulis dan diedarkan. Kedua, bersifat seminggu atau beberapa hari dan agak segera.

Ketiga, ialah peraturan teknikal yang bersifat untuk kepentingan ne-

gara, iaitu boleh diusulkan atau dimaklumkan sehari sebelum dibentangkan tetapi definisi kepentingan negara inilah yang perlu ditentukan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Mungkin Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) cuba mengambil bab ketiga ini, bermakna mereka perlu dua hari sebelum diusulkan dan usul mesti dihantar pada hari bekerja.

Persoalannya, dari aspek teknikal, ia boleh dilengahkan tetapi tidak menghalang SAPP meneruskan usul. Jika mengikut prosedur biasa ia bermakna jika mereka usulkan Isnin (esok), mereka terpaksa tunggu dua minggu lagi mengikut prosedur biasa.

Dewan tak boleh menolak dengan mengatakan tak akan ada langsung usul undi tidak percaya, maknanya tiada paksaan. Di satu pihak (kerajaan), mereka masih ada masa untuk memperkemas diri menyediakan apa saja dokumen atau hujah menghadapi usul itu.

? Apakah dimaksudkan dengan kepentingan negara dan keadaan bagaimana usul itu dikategorikan sebagai segera atas kepentingan negara.

Contoh paling mudah ialah jika berlaku bencana atau isu soal keselamatan negara misalnya terjumpa sebuah trak yang penuh dengan bom. Kerajaan mesti buat satu keputusan besar. Atau ia membabitkan persoalan berbangkit yang serius atau kekecohan besar di Parlimen atau di luar.

Kes lain juga perlu diambil kira, misalnya berlaku kematian atau pembunuhan pemimpin negara secara mendadak atau lumpuhnya sistem pengangkutan udara di lapangan terbang utama negara disebabkan hal tertentu.

Semua ketetapan definisi itu bergantung kepada Speaker kerana jika beliau mendapati hal itu penting dan boleh disegerakan, beliau berhak membenarkannya. Di sini jelas peranan Speaker menentukan usul boleh dibawa ke Dewan atau tidak.

Mengikut prosedur, Speaker akan memproses dan mengedarkan kepada Ahli Parlimen sebelum sidang bermula untuk membolehkan mereka

mendapatkan maklumat awal.

Usul yang dibenarkan minggu ini ialah soal inflasi tetapi tiba-tiba timbul cadangan usul undi tidak percaya sedangkan ia belum dimaklumkan lagi kepada dewan dan tiada permohonan, namun ia sudah heboh diperkatakan.


Sepatutnya setiap usul mesti ikut urutan dan aturan. Sebab itu saya katakan tak mungkin ia berlaku minggu ini. Ia hampir sama dalam kes penamaan calon pilihan raya, mesti ada borang pencalonan dan borang perlu diproses sebelum dibenarkan bertanding dengan tertakluk kepada peraturan tertentu.

Tetapi jika ia benar-benar dikategorikan sebagai usul kepentingan negara dan Speaker mengatakan ia boleh dibawa ke Dewan, maka ia boleh diteruskan.

? Apakah kesan usul berkenaan.

Apabila ini berlaku, terutama kepada kerajaan yang tidak mempunyai majoriti besar, misalnya hanya mempunyai kelebihan 10 kerusi, ia boleh mewujudkan kerajaan yang rapuh. Maknanya, mereka mesti menjaga Ahli Parlimennya dengan baik kerana bimbang berlaku lompat parti.

Jika pemerintah tidak begitu 'mengikat' Ahli Parlimen mereka, parti itu akan jatuh dan pembangkang akan naik (berkuasa). Ini pernah berlaku di Pakistan ketika zaman 1990-an yang menyaksikan Nawaz Shariff



turan politik pihak ketiga

dan Benazir Bhutto saling bertukar kuasa sebelum berlaku rampasan kuasa secara tentera.

Kes sama pernah berlaku di India pada akhir 1980-an (tahun 88-89) akibat usul undi tidak percaya. Dalam keadaan ini, sudah pasti setiap Ahli Parlimen berasakan diri mereka sangat berharga dan mula 'jual mahal'. Mereka akan mula meletakkan kepentingan diri lebih utama daripada pasukan atau parti.

Sebelum ini, mereka lebih utamakan parti tetapi dalam keadaan ini, ia boleh berubah. Mereka boleh berubah apabila memikirkan soal-ganjaran misalnya jika beliau tak diberikan jawatan itu, jawatan ini atau imbuhan ini, beliau akan melompat parti, tambahan pula pihak satu lagi kuat memujuk dengan imbuhan lumayan.

Dalam keadaan majoriti agak rendah, setiap satu undi sangat penting. Sebab itu pentingnya sesebuah parti meraih keputusan majoriti dua per tiga kerana jika 10 orang keluar atau lompat parti, ia masih tidak akan menjejaskan atau mengganggu kedudukan.

Sekarang, risikonya sangat tinggi. Kesan jangka pendek boleh menyebabkan kerajaan itu rapuh dan jangka panjang ialah memberikan imej pemerintahan yang lemah dan menyulitkan sesuatu kerajaan membuat perancangan pembangunan jangka panjang.

Mereka hanya memikirkan projek jangka pendek. Misalnya projek pe-

rumahan di setiap negeri yang wakil rakyat boleh mendabik dada kerana berjaya membawa pembangunan di kawasan mereka seperti projek jalan raya, jambatan atau rumah. Mereka hanya boleh fikir macam itu kerana wujudnya ketidakstabilan.

PM tak boleh memikirkan mengenai wawasan jangka panjang untuk program 20 tahun akan datang disebabkan golongan majoriti yang sedikit ini hanya akan memikirkan apa yang mereka boleh buktikan kepada pengundi kawasan mereka, sedangkan program jangka panjang sudah tentu hasilnya bakal dinikmati anak cucu kita akan datang.

Contohnya, ketika Wawasan 2020 dilancarkan, secara logiknya sesiapa yang hidup sekarang belum tentu akan menikmati hasilnya kerana ia program jangka panjang.

Dalam keadaan sekarang, PM akan cenderung menentukan projek jangka pendek saja bertujuan mengikat Ahli Parlimen kerajaan supaya bersatu teguh dengannya.

Bagi rakyat, mereka hanya fikirkan apa yang perlu dijalankan sekarang, apa mereka nak makan, apa mereka buat untuk atasi kemiskinan. Mereka tidak akan menilai projek jangka panjang. Jadi PM tak boleh buat pembangunan jangka panjang sebab situasi rapuh.

Dari aspek ekonomi, misalnya Rancangan Malaysia yang kini sudah memasuki peringkat kesembilan, semuanya perlu dikekalkan sebab kerajaan sudah lama laksanakan kerana ia berkaitan soal pembangunan.

? Pernahkah keadaan hampir sama berlaku sebelum ini.

Tidak pernah berlaku sebelum ini (usul undi tidak percaya) tetapi pernah ada cubaan pada zaman Tun Hussein Onn apabila ada pihak tidak berpuas hati.

Akhirnya beliau berundur tetapi ia belum sampai ke tahap menyuarakan usul berkenaan.

Kelemahan sistem undi angkat tangan yang diamalkan di Parlimen ialah ia boleh mempengaruhi keputusan pihak yang tidak tetap pendirian dan hanya akan buat keputusan selepas melihat majoriti sokongan tak kira menyokong atau menolak.

Ini yang dikatakan pihak yang takut berada di pasukan yang kalah dan sentiasa cari peluang kedudukan selamat.

? Adakah tindakan SAPP yang mengkritik kerajaan secara terbuka akan memberi kesan kepada rakyat Sabah.

Tidak semestinya tetapi dari segi perkiraan politik, saya percaya walau bagaimanapun kerajaan marah kepada tindakan SAPP, saya rasa BN atau sesiapa saja yang memerintah akan memerhatikan dakwaan yang dibuat termasuk isu pendatang haram, kemiskinan dan pembangunan tidak seimbang.

Walaupun usul undi tak percaya kalah, kesan yang timbul ialah rakyat Sabah akan diberi perhatian serius dan jika bertujuan mewujudkan sentimen menentang BN, ia sebenarnya tidak akan memberi kesan besar kerana isu dibawa oleh SAPP.

Tetapi ia akan memberi kesan besar jika usul itu dibawa oleh Ketua Menteri Sabah seperti yang berlaku pada zaman PBS, sedangkan ketika ini SAPP hanya mempunyai dua wakil di Parlimen.

(Sebagai pandangan peribadi) melihat kepada maklum balas segera Menteri Besar Selangor, dan Penasihat Pakatan Rakyat, (Datuk Seri Anwar Ibrahim), saya percaya ia membabitkan pakatan pihak ketiga.

Memang ada 'gergasi' di belakang SAPP. Mungkin ada pakatan atau strategi lain atau dalam kata mudah, ia sama seperti permainan catur iaitu bidak (buah catur yang paling rendah nilainya) akan jalan dulu.

Ada satu permainan besar di luar sana dan satu perang saraf lebih besar mula menular. Jika diteliti, dulu pembangkang hanya katakan mereka ada sokongan tetapi sekarang sudah ada yang menyuarakan secara terbuka.

Keadaan ini akan mewujudkan keadaan serba salah atau 50-50 sama ada nak sokong atau kekal dengan apa yang ada sekarang. Sasaran mereka ialah golongan atas pagar yang sentiasa mahu berada dalam pasukan menang dengan memilih jalan selamat.

“Ada permainan dan satu perang saraf lebih besar mula menular. Jika diteliti, dulu pembangkang hanya kata mereka ada sokongan tetapi sekarang sudah ada yang menyuarakan secara terbuka”